



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2022**

**PERATURAN PEMARKAHAN
SEJARAH
Kertas 2**

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **29** halaman bercetak

- 1 Rajah berikut menunjukkan sistem Pembesar Empat Lipatan yang diamalkan dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Soalan	Perincian	Markah
1 (a)	Nyatakan jawatan X dan Y.	
	F1 Penghulu Bendahari F2 Laksamana	1 1
M.s 8	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]

Soalan	Perincian	Markah
1 (b)	Jelaskan sistem pentadbiran kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.	
	F1 Dikenali Pembesar Empat Lipatan	1
	F2 Sultan Melaka memberikan kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah/sungai/ pulau kepada Pembesar Berempat	1
	F3 Setiap kawasan pentadbiran ini dikenali sebagai kawasan pegangan	1
	F4 Sistem pentadbiran tersusun dan berhierarki	1
	F5 Sultan mengetuai pemerintahan	1
	F6 Mempunyai kuasa dalam segala aspek/ pemerintahan/ peperangan/ hubungan diplomatik/agama	1
	F7 Pembesar Berempat/ Bendahara/ Penghulu Bendahari/ Temenggung/ Laksamana	1
	F8 Pembesar lain yang membantu dalam pentadbiran/ Syahbandar/ Bentara/ Orang Kaya/ Hulubalang/ Penghulu	1
	F9 Terbahagi kepada dua iaitu pentadbiran pusat	1
	F10 Pentadbiran peringkat jajahan	1
	F11 Hubungan dan persefahaman dua hala antara sultan dengan pembesar	1
	F12 Mewujudkan proses pentadbiran yang sempurna mengelakkan sebarang tindakan sewenang-wenangnya oleh pemerintah	1
	F13 Bendahara sebagai ketua pentadbir/ketua turus angkatan tentera/ menasihati sultan dalam pelbagai hal/ menjadi pemangku sultan	1
	F14 Mempunyai sistem kewangan yang teratur	1
	F15 Penghulu Bendahari menguruskan perbendaharaan secara teratur	1
	F16 Syahbandar mengutip cukai di pelabuhan	1
	F17 Pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan	1
	F18 Hasil perbendaharaan akan disalurkan untuk kepentingan kerajaan/ membeli senjata/ membina istana	1

M.s 8-9	F19	Mempunyai sistem keselamatan yang kemas	1
	F20	Menjaga keamanan di darat/ di laut	1
	F21	Temenggung dilantik menjaga keamanan di Kota Melaka	1
	F22	Laksamana sebagai panglima angkatan laut Melaka	1
	F23	Pada peringkat jajahan, pembesar ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran di kampung/ daerah	1
	F24	Pembesar dilantik oleh sultan/ Pembesar Berempat	1
	F25	Peranan mereka menjaga keamanan/ mengutip cukai	1
[Mana-mana 4 x 1 m]			[4 m]

Soalan	Perincian		Markah
1 (c)	Sebagai seorang pemimpin, apakah yang anda perlu lakukan untuk memajukan negara?		
	F1	Mementingkan ilmu pengetahuan	1
	F2	Mewujudkan pusat-pusat ilmu	1
	F3	Menyediakan kelengkapan teknologi	1
	F4	Memudahkan rakyat menuntut ilmu	1
	F5	Menjalin hubungan diplomatik	1
	F6	Menjaga kedaulatan negara	1
	F7	Memastikan keselamatan rakyat terpelihara	1
	F8	Menyediakan pelbagai kemudahan	1
	F9	Membelanjakan pendapatan negara dengan betul	1
	F10	Menaikkan imej negara	1
(Mana-mana jawapan munasabah)			
[Mana-mana 4 x 1 m]			[4 m]

- 2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum.

Soalan	Perincian	Marka h
2 (a)	Jelaskan objektif pembentukan CLC.	
	F1 Mengkaji hubungan kaum secara mendalam	1
	F2 Membetulkan keadaan politik/ekonomi/sosial	1
	F3 Mewujudkan pembahagian yang adil untuk semua komuniti	1
	F4 Mewujudkan keadaan harmoni/ muhibah dalam kalangan penduduk	1
M.s 174	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

Soalan	Perincian	Marka h
2 (b)	Huraikan kejayaan CLC dalam menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.	
	F1 Mengadakan pilihan raya	1
	F2 peringkat majlis bandaran/ majlis negeri/ Majlis Perundangan Persekutuan	1
	F3 Memperakui kedudukan istimewa orang Melayu	1
	F4 Mengiktiraf kepentingan sah kaum lain	1
	F5 Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)	1
	F6 Bantuan ekonomi/ kemajuan luar bandar	1
	F7 Melonggarkan syarat kewarganegaraan	1
	F8 Memberikan kedudukan politik kepada kaum bukan Melayu	1
	F9 Melahirkan semangat patriotik/ bertanggungjawab kepada negara	1
	F10 Menubuhkan jawatankuasa pendidikan	1
	F11 Mengkaji sistem pendidikan	1
	F12 Melahirkan pendidikan seragam/ diterima oleh semua kaum	1
M.s 177	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4 m]

Soalan	Perincian		Markah
2 (c)	Semangat kerjasama antara kaum penting dalam memastikan keharmonian di negara kita. Ulas pernyataan tersebut.		
	F1	Mengeratkan perpaduan kaum	1
	F2	Mengelakkan konflik perkauman	1
	F3	Meningkatkan persefahaman antara pemimpin masyarakat berbilang kaum	1
	F4	Menyelesaikan masalah secara rundingan	1
	F5	Bersatu dalam memajukan ekonomi negara	1
	F6	Sanggup berkorban demi keselamatan negara	1
	F7	Mengamalkan dasar tolak ansur antara satu sama lain	1
	F8	Memelihara keamanan/ kestabilan politik (Mana-mana jawapan munasabah)	1
[Mana-mana 4 x 1 m]			[4 m]

- 3 Pindaan Perlembagaan Persekutuan dilakukan bertujuan menyesuaikan peruntukan negeri baharu ke dalam perlembagaan tanpa mengubah kedudukan negeri yang sedia ada.

Soalan	Perincian	Markah
3 (a)	Jelaskan pindaan perlembagaan persekutuan tersebut :	
	(i) Pindaan Perlembagaan 1963	
	F1 Dipinda selepas pembentukan Malaysia	1
	F2 Pindaan yang dibuat dengan memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu bagi menyesaikannya dengan keperluan semasa.	1
	F3 Tiga perkara utama dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan	1
	F4 Struktur Mahkamah Atasan mengikut struktur Mahkamah Tinggi England	1
	F5 Membahagikan Mahkamah Atasan dengan Rayuan	1
	F6 Mahkamah Persekutuan/ Mahkamah Atasan diwujudkan apabila pembentukan Malaysia	1
	F7 Tiga buah Mahkamah Atasan diwujudkan	1
	F8 Di Persekutuan Tanah Melayu/ Sarawak dan Sabah/ Singapura	1
	F9 Mahkamah Persekutuan mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	1
	F10 Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo	1
	F11 Berperanan mengurus soal kehakiman di Sarawak dan Sabah	1
	F12 Ketua Hakim Borneo diwujudkan yang berpusat di Kuching, Sarawak	1
	F13 Jawatan ini diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah	1
	F14 Sarawak dan Sabah diketuai Yang di-Pertua Negeri	1
	F15 Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong	1
	F16 Di Sarawak, Yang di-Pertua Negeri perlu mengikut nasihat Majlis Tertinggi	1
	F17 Di Sabah, Yang di-Pertua Negeri mengikut nasihat Kabinet Negeri	1
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3 m]
	(ii) Pindaan Perlembagaan 1965	
	F1 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pindaan Singapura di Parlimen	1
	F2 Parlimen meluluskan usul	1
	F3 Membolehkan Singapura keluar dari Malaysia	1

M.s 30-31	F4	Semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia	1
	F5	Dari segi imigresen/ kewangan/ hubungan luar negara/ pertahanan	1
	[Mana-mana 3 x 1 <i>m</i>]		[3 <i>m</i>]

Soalan	Perincian		Markah
3 (b)	Pada pandangan anda, apakah kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak menghormati perlembagaan negara?		
	F1	Negara tidak akan aman	1
	F2	Pemimpin negara menyalahgunakan kuasa	1
	F3	Berlaku rasuah/ pecah amanah	1
	F4	Berlaku pergaduhan kalangan rakyat	1
	F5	Keselamatan rakyat terancam	1
	F6	Menggugat kedaulatan negara	1
	F7	Imej negara tercemar	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)		
	[Mana-mana 4 x 1 <i>m</i>]		[4 <i>m</i>]

4 Maklumat berikut berkaitan Dasar Pembangunan Nasional.

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 17 Jun 1991 menandakan bermulanya satu lagi era baru di dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Sumber : <https://www.pmo.gov.my>

Soala n	Perincian		Markah
4 (a)	Mengapakah dasar tersebut dilaksanakan?		
M.s 174-175	F1	Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan	1
	F2	Pembangunan seimbang antara negeri	1
	F3	Pembangunan seimbang antara bandar dengan luar bandar	1
	F4	Dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam / Rancangan Malaysia Ketujuh	1
	F5	Mewujudkan masyarakat bersatu padu	1
	F6	Memperkuh kestabilan sosial/ politik	1
	F7	Mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]		[2 m]

Soalan	Perincian		Markah
4 (b)	Jelaskan strategi yang dilaksanakan dalam DPN.		
M.s 175	F1	Bidang ekonomi Pelibatan aktif pihak swasta dalam pembangunan ekonomi	1
	F2	Melaksanakan program penanaman semula	1
	F3	Penggunaan sains dan teknologi	1
	F4	Meningkatkan pemilikan saham bumiputera	1
	F5	Bidang sosial Memberikan insentif serta kemudahan pendidikan untuk	1
	F6	kemajuan masyarakat miskin tanpa mengira kaum	1
	F7	Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera	1
	F8	Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif	1
	F9	Kemudahan fizikal dan alam sekitar Menyediakan/ menambah baik kemudahan asas	1
	F10	Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]		[4 m]

Soalan	2	Perincian	Markah
4 (c)	Pelibatan golongan belia dalam pembangunan negara dapat memacu kemajuan masa hadapan. Bincangkan.		
	F1	Ekonomi berkembang maju	1
	F2	Pendapatan negara meningkat	1
	F3	Menarik kemasukan pelabur	1
	F4	Kestabilan politik negara terjamin	1
	F5	Pentadbiran negara berjalan lancar	1
	F6	Kesepakatan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum	1
	F7	Keamanan negara dikecapi	1
	F8	Dasar negara dapat dilaksanakan	1
	F9	Kedaulatan negara dikekalkan (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]		[4 m]

- 5 Perang Dunia Kedua (1939-1945) berlaku di dua medan pertempuran iaitu di Eropah dan Asia Pasifik.

Soalan	Perincian	Markah
5 (a)	Terangkan faktor-faktor yang mencetuskan Perang Dunia Kedua di Eropah.	
	F1 Kemunculan Ideologi Baharu	1
	H1a Fasisme di Itali	1
	H1b Pimpinan Benito Mussolini/ parti Fasis	1
	H1c Berjaya menguasai kerajaan Itali	1
	H1d Keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu	1
	H1e Percaya kepada nasionalisme melampau/ termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara	1
	H1f Meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia)/ Albania	1
	H1g Nazisme di Jerman	1
	H1h Pimpinan Adolf Hitler/ parti Nazi	1
	H1i Membentuk kerajaan di Jerman	1
	H1j Mengagungkan bangsa Jerman	1
	H1k Memulihkan nasionalisme Jerman	1
	H1l Membina angkatan tentera	1
	H1m Menduduki Rhineland semula	1
	F2 Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles	1
	H2a Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil	1
	H2b Menjejaskan kedaulatan negaranya	1
	H2c Kehilangan tanah jajahan	1
	H2d Pampasan perang yang tinggi	1
	H2e Itali tidak puas hati terhadap Perjanjian Versailles	1

M.s 58-59	H2f	Tidak diberi tanah jajahan baharu	1
	F3	Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa	1
	H3a	Gagal menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata	1
	H3b	Gagal menangani krisis pencerobohan yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama	1
	[Mana-mana 6 x 1 m] F + H		[6 m]

Soalan	Perincian		Markah
5 (b)	Perang Dunia Kedua meletus apabila Jerman menyerang Poland pada Disember 1939. Jelaskan perkembangan peristiwa tersebut.		
	F1	Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat	1
	H1a	Jerman memulakan serangan Blitzkrieg/serangan kilat	1
	H1b	Mengebom sasaran musuh	1
	H1c	Serangan kereta kebal/tentera bermotosikal	1
	H1d	Menakluk negara di Eropah	1
	H1e	Menawan Poland / Denmark/ Norway/ Belanda/ Belgium/ Luxemboug/ Perancis	1
	F2	Pengeboman Britain	1
	H2a	Jerman melancarkan serangan udara/laut terhadap Britain	1
	H2b	Jerman menyerang dan memusnahkan pelabuhan/ kawasan perindustrian/ pertahanan udara Britain	1
	H2c	Menjejaskan ekonomi Britain	1
	F3	Penyertaan Itali dalam Perang di Eropah	1
	H3a	Mengisytiharkan perang terhadap Britain/Perancis	1
	H3b	Itali menyerang Perancis melalui arah selatan	1
	H3c	Jerman menyerang Perancis dari arah utara	1
	F4	Serangan Jerman ke atas Rusia	1
	H4a	Melancarkan Operasi Barbarossa/serangan besar-besaran	1
	H4b	Hitler mengarahkan lebih tiga juta tentera menyerang Rusia	1
	H4c	Dibantu oleh 3350 kereta kebal	1
	H4d	2270 kapal perang	1
	H4e	Disertai oleh tentera Finland/ Hungary/ Romania	1
	H4f	Menyasarkan bandar utama di Rusia	1
	C4	Leningrad/ Moscow/ Stalingrad	
M.s 60	[Mana-mana 6 x 2m]		[6 m]

Soala n	2 Perincian	Markah
5 (c)	Pada pandangan anda, sejauh manakah peperangan membawa kemusnahan kepada sesebuah negara?	
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh: - Mengorbankan nyawa - Kemusnahan harta benda persendirian/ awam - Krisis makanan dan kesihatan - Peningkatan masalah sosial - Gejala depresi/tekanan perasaan/ traumatism - Penghijrahan penduduk ke luar negara - Menjejaskan ekonomi - Seperti perindustrian/pertanian/pelancongan - Berlaku inflasi/ pengangguran - Menjejaskan pembangunan negara	7 - 8
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik Contoh: - Mengorbankan nyawa - Kemusnahan harta benda persendirian/ awam - Menjejaskan ekonomi - Seperti perindustrian/pertanian/pelancongan - Berlaku inflasi/ pengangguran - Menjejaskan pembangunan negara	5 - 6

	2	
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas Contoh : - Mengorbankan nyawa - Kemusnahan harta benda persendirian/ awam - Menjejaskan ekonomi - Berlaku inflasi/ pengangguran	3 - 4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum Contoh : - Mengorbankan nyawa - Kemusnahan harta benda persendirian/ awam	1 - 2
	Mak.	[8 m]

- 6 Kerajaan British telah mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 8 Mac 1956 setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

Soalan	Perincian	Markah
6 (a)	Jelaskan peranan suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.	
	F1 Membincangkan/ menyusun/ merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka	1
	F2 Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu	1
	F3 Mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu	
	F4 Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal/ bebas/ berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel	1
	F5 Berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan	1
	F6 Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat	1
	F7 kerajaan negeri juga mempunyai autonomi tertentu	
	F8 Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing	1

M.s 220	F9	Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara/ iaitu Yang di-Pertuan Besar/ Yang di-Pertuan Agong untuk Persekutuan Tanah Melayu	1
	F10	Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu	1
	F11	Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu/ kepentingan sah kaum lain	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]		[4 m]

Soalan	Perincian		Markah
6 (b)	Huraikan langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.		
	F1	Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima daripada pihak Raja-raja Melayu/ parti politik/ badan awam/ orang perseorangan untuk dipertimbangkan	1
	F2	Memorandum ini berkaitan dengan corak pentadbiran/ kewarganegaraan/ kedudukan istimewa orang Melayu/ bahasa/ pendidikan	1
	F3	Raja-raja Melayu mencadangkan Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong	1
	F4	Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan	1
	F5	Tempoh jawatan yang dicadangkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ialah lima tahun	1
	F6	Yang di-Pertuan Agong boleh meletakkan jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja	1
	F7	Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain	1
	F8	Parti Perikatan telah menyuarakan cadangan melalui memorandum yang dinamakan Testament Amanah Politik Perikatan	1
	F9	Semasa menyediakan memorandum ini, terdapat perbezaan pandangan tentang isu jus soli dalam parti Perikatan	1
	F10	Terdapat beberapa pihak dalam UMNO yang menolak pemberian kewarganegaraan jus soli	1
	F11	Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan	1
	F12	Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran	1
	F13	Masyarakat India menuntut kedudukan kewarganegaraan mereka diteliti	1
	F14	Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan	1

	F15	Memorandum daripada MCA menuntut supaya semua sekolah yang ada daripada aliran bahasa Inggeris atau vernakular perlu diteruskan	1
	F16	Memorandum juga mencadangkan supaya semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Inggeris/ Melayu/ Cina/ Tamil	1
	F17	Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan draf perlembagaan	1
	F18	Meneruskan sistem kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu	1
	F19	Sistem kewarganegaraan berasaskan jus soli kepada semua yang lahir di Tanah Melayu	1
	F20	Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan	1
	F21	Raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan dengan seorang Yang di-pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu	1
	F22	Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk	1
	F23	Pelbagai reaksi terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu	1
	F24	Ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan konsep jus soli	1
	F25	Kerana bimbang kedudukan istimewa orang Melayu akan tergugat	1
	F26	Agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi	1
	F27	Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi	1
	F28	Dato' Onn Jaafar dari Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar	1
	F29	Parti Negara/ PAS/ Parti Rakyat mengadakan kongres pada 4 Mei 1957 hingga 7 Mei 1957 untuk membincangkan draf perlembagaan ini	1
	F30	Parti PAS pula mengkritik soal kewarganegaraan yang dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu / mahu kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan negara	1
	F31	Menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi	1
	F32	Sebahagian daripada pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan	1
	F33	MIC mahukan syarat kewarganegaraan/ penggunaan bahasa Tamil diberikan perhatian	1
	F34	Pada 9 Mei 1957, Tunku Abdul Rahman/ Dato' Abdul Razak Hussein/ Ong Yoke Lin/ V.T. Sambanthan berlepas sekali lagi ke London untuk berbincang dengan kerajaan British tentang isu kewarganegaraan dan beberapa isu yang belum muktamad	1
	F35	Beberapa perubahan/ pindaan dibuat pada draf perlembagaan	1
	F36	Hasil pindaan disembah perkenan/ dibincangkan dalam Majlis Raja-Raja	1
	F37	Draf ini kemudiannya dibawa ke Majlis Perundangan Persekutuan untuk dibentangkan/ dibahaskan pada 10	1

M.s 222-223	F38	Julai 1957 hingga 11 Julai 1957	1
	F39	Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu akhirnya diluluskan oleh Parlimen British di London	1
	F40	kemudiannya diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 27 Ogos 1957	1
		Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkuat kuasa secara rasminya pada 31 Ogos 1957 [Mana-mana 8 x 1 m]	[8 m]

Soalan	Perincian	Markah
6 (c)	Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan sekiranya tiada pemuafakatan dalam negara kita?	
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh: - Perlembagaan terhasil daripada idea Raja-Raja Melayu/ pemimpin/ persatuan - Idea yang dihasilkan terdiri daripada pelbagai kaum - Permuafakatan politik/ kontrak sosial antara pemimpin pelbagai kaum mewujudkan perpaduan - Generasi muda perlu mencontohi nilai kerjasama/ tolak ansur - Perlembagaan persekutuan mempertahankan kepentingan penduduk asal - Kepentingan sah kaum lain turut dipertahankan - Negara tidak aman - Berlaku pergaduhan dalam masyarakat/ pemimpin - Seperti rusuhan kaum - Kedaulatan negara tergugat - Perpaduan rakyat akan terjejas - Keselamatan rakyat terabai - Negara akan mundur	7 - 8

	Aras 3 2 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik Contoh: - <i>Perlembagaan terhasil daripada idea Raja-Raja Melayu/ pemimpin/ persatuan</i> - <i>Idea yang dihasilkan terdiri daripada pelbagai kaum</i> - <i>Permuafakatan politik/ kontrak sosial antara pemimpin pelbagai kaum mewujudkan perpaduan</i> - <i>Berlaku pergaduhan dalam masyarakat/ pemimpin</i> - <i>Seperti rusuhan kaum</i> - <i>Kedaulatan negara tergugat</i>	5 - 6
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas Contoh : - <i>Perlembagaan terhasil daripada idea Raja-Raja Melayu/ pemimpin/ persatuan</i> - <i>Idea yang dihasilkan terdiri daripada pelbagai kaum</i> - <i>Berlaku pergaduhan dalam masyarakat/ pemimpin</i> - <i>Kedaulatan negara tergugat</i>	3 - 4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum Contoh : - <i>Perlembagaan terhasil daripada idea Raja-Raja Melayu/ pemimpin/ persatuan</i> - <i>Berlaku pergaduhan dalam masyarakat/ pemimpin</i>	1 - 2
	Mak.	[8 m]

Soalan	2 Perincian	Markah
7 (a)	Jelaskan kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.	
	F1 Kebebasan diri	1
H1a	Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya / dilucut kebebasan dirinya	1
H1b	Kecuali mengikut undang-undang	1
	F2 Kebebasan beragama	1
H2a	Islam ialah agama persekutuan	1
H2b	Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing	1
	F3 Hak berkenaan dengan pendidikan	1
H3a	Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara	1
H3b	Atas alasan agama/ras/keturunan/tempat lahir	1
	F4 Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan	1
H4	Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara, berhimpun secara aman/ membentuk persatuan	1
M.s 51	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4 m]

Soalan	Perincian	Markah
7 (b)	Terangkan pengasingan kuasa yang diamalkan negara kita sejak mencapai kemerdekaan	
	F1 Kuasa pemerintahan dibahagikan kepada tiga badan	1
H1a	Kuasa ketiga-tiga badan ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan	1
H1b	YDPA merupakan punca kuasa kepada ketiga-tiga badan	1
	F2 Badan perundangan (legislatif)	1
H2a	Berfungsi menggubal undang-undang	1
H2b	Membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada	1
H2c	Menyemak dasar kerajaan	1
H2d	Melulus perbelanjaan kerajaan/ sistem cukai yang baharu	1
H2e	Peringkat Kerajaan Persekutuan dikenali Parlimen	1
H2f	Merupakan badan perundangan tertinggi	1
H2g	Parlimen merupakan lambang demokrasi	1
H2h	Terdiri daripada tiga komponen iaitu YDPA, Dewan Rakyat dan Dewan Negara	1
H2i	Dewan Negara/ Senat merupakan dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara	1

	H2j	Dewan Negara membahaskan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih teliti	1
	H2k	Dewan Rakyat / perwakilan ahlinya dipilih melalui pilihan raya Berfungsi menggubal/ meluluskan undang-undang	1
	H2l	Badan perundangan peringkat Kerajaan Negeri dikenali Dewan Undangan Negeri (DUN)	1
	H2m	DUN terdapat di setiap negeri kecuali di Wilayah Persekutuan	1
	H2n	DUN berfungsi menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing	1
	H2o		1
	F3	Badan eksekutif (pelaksana)	1
	H3a	Merupakan badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif	1
	H3b	Peringkat Kerajaan Persekutuan dikenali Jemaah Menteri/Kabinet	1
	H3c	Terdiri daripada Perdana Menteri/ Menteri	1
	C3	Menteri Kewangan/ Menteri Pendidikan	1
	H3d	Tugas Jemaah Menteri menggubal dasar negara/ melaksana pembangunan	1
	H3e	Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri menjalankan pentadbiran di peringkat Kerajaan Persekutuan	1
	H3f	Menteri akan mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar kerajaan	1
	H3g	Setiap menteri mesti pertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri	1
	H3h	Sekiranya tidak bersetuju, seorang menteri hendaklah meletakkan jawatan	1
	H3i	Peringkat Kerajaan Negeri dikenali Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	1
	H3j	Di peringkat negeri kuasa eksekutif terletak pada Sultan/ Raja/ Yang di-Pertua Negeri	1
	H3k	Pentadbiran Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar/ Ketua Menteri	1
	F4	Badan kehakiman (judisiari)	1
	H4a	Badan yang bertanggungjawab mentafsir/ melaksanakan undang-undang/ mempertahankan Perlembagaan Persekutuan	1
	H4b	Diketuai oleh Ketua Hakim Negara	1
	H4c	Kuasa badan kehakiman dilaksanakan oleh mahkamah	1
	H4d	Hakim dilantik bagi memastikan sistem kehakiman dan keadilan ditegakkan	1
	H4e	Hakim mesti bebas daripada pengaruh politik	1
	H4f	Badan kehakiman berperanan mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat/ sesama rakyat	1
	H4g		1

	H4h	Menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan	1
	H4i	Fungsi badan kehakiman bergantung kepada status mahkamah	1
	H4j	Mahkamah Atasan/ Mahkamah Bawahan/ Mahkamah Khas	1
	H4k	Peringkat negeri, terdapat Mahkamah Syariah/ Mahkamah Anak Negeri (Sarawak/ Sabah)	1
		Mahkamah Khas terdiri daripada Mahkamah Khas Raja-Raja/ Mahkamah Tentera	
M.s 52-55		[Mana-mana 8 x 1 m]	[8 m]

Soalan	Perincian	Markah
7 (c)	Berikan ulasan anda berdasarkan petikan di bawah. Pengasingan kuasa merupakan satu doktrin perlembagaan yang mengesyorkan pengasingan fungsi dan kuasa kerajaan supaya ianya dikuatkuasakan oleh beberapa orang atau institusi yang berlainan. Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya ketidakadilan yang dijangka akan wujud jika kuasa itu dipegang oleh seorang individu. Pengasingan kuasa pada amnya berkisar pada fungsi berlainan yang dijalankan oleh badan atau institusi pemerintahan yang berlainan. Fungsi-fungsi ini dijalankan oleh badan-badan tertentu mengikut bidang kuasa masing-masing. <i>Sumber : https://ejournal.um.edu.my</i>	
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh: - <i>Pengasingan kuasa dilakukan untuk mengelak pertindihan bidang kuasa/ permasalahan</i> - <i>Memastikan tiada penyalahgunaan kuasa akibat pemusatan kuasa</i> - <i>Membolehkan setiap institusi/ badan bertindak tanpa diganggu oleh yang lain</i> - <i>seperti badan perundangan hanya menggubal undang-undang</i>	7 - 8

	<i>negara</i> 2 - Membolehkan setiap badan berfungsi dengan lebih efisien - Melicinkan perjalanan pentadbiran negara - Memastikan keamanan negara terjaga - Menjamin kestabilan dan kemakmuran negara - Membentuk sebuah negara yang berdaulat	
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik Contoh: - Pengasingan kuasa dilakukan untuk mengelak pertindihan bidang kuasa/ permasalahan - Membolehkan setiap institusi/ badan bertindak tanpa diganggu oleh yang lain - seperti badan perundangan hanya menggubal undang-undang negara - Membolehkan setiap badan berfungsi dengan lebih efisien - Melicinkan perjalanan pentadbiran negara - Membentuk sebuah negara yang berdaulat	5 - 6
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas Contoh : - Pengasingan kuasa dilakukan untuk mengelak pertindihan bidang kuasa/ permasalahan - Membolehkan setiap badan berfungsi dengan lebih efisien - Melicinkan perjalanan pentadbiran negara - Membentuk sebuah negara yang berdaulat	3 - 4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum Contoh : - Pengasingan kuasa dilakukan untuk mengelak pertindihan bidang kuasa/ permasalahan - Membolehkan setiap badan berfungsi dengan lebih efisien	1 - 2
	Mak.	[8 m]

Soalan	Perincian		Markah
8 (a)	Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969 merupakan sejarah hitam negara kita. Keadaan ini menyebabkan berlakunya pergaduhan antara kaum yang tertumpu di Kuala Lumpur, Selangor dan kawasan sekitarnya.		
	Mengapakah rusuhan antara kaum tersebut berlaku?		
	F1	Kesan daripada ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial	1
	F2	Keadaan dan keputusan Pilihan Raya Umum 1969	1
	F3	Ketegangan bermula dengan kempen pilihan raya	1
	F4	Parti politik mengeksploitasi isu sensitif	1
	F5	PKM mengambil kesempatan semasa pilihan raya	1
	F6	Mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum	1
	F7	Parti politik yang bertanding berkempen menggunakan isu perkauman/ agama	1
	F8	Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal	1
	F9	Menimbulkan kekacauan dan perbuatan provokatif	1
M.s 129	[Mana-mana 4 x 1 m]		[4 m]

Soalan	Perincian		Markah
8 (b)	Jelaskan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.		
	F1	Mengisytiharkan darurat ke seluruh negara	1
	F2	Perlembagaan digantung	1
	F3	Parlimen ditangguh	1
	F4	Mewujudkan pusat perlindungan	1
	F5	Pihak polis menguatkuasakan perintah berkurung	1
	F6	Orang ramai tidak dibenarkan keluar rumah/ dikehendaki tinggal di kediaman masing-masing	1
	F7	Penubuhan jawatankuasa bertugas	1
	F8	Menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan	1
	F9	Menapis berita daripada pihak media bagi memastikan kesahihannya	1
	F10	Memastikan bekalan makanan diperoleh oleh penduduk di pusat perlindungan	1
	F11	Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan di Stadium Merdeka/ Tiong Nam Settlement	1
	F12	Pihak berkuasa memagar kawasan Kampung Baru	1
	F13	Menjadikannya kawasan perintah berkurung yang besar	1
	F14		1

M.s 130		Tentera 2memberi perlindungan kepada penduduk yang berlindung di beberapa kem tentera	
	F15	Menubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)	1
	F16	Berkuasa memerintah semasa zaman darurat	1
	F17	Bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara	1
	F18	Menyelesaikan masalah perpaduan kaum	1
	F19	Menyelesaikan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum	1
	F20	Mengembalikan keamanan/ undang-undang	1
	F21	Menentukan pentadbiran yang lici dalam negara	1
	F22	Mengembalikan keharmonian/ kepercayaan antara kaum dalam negara	1
	F23	Menggantung sementara penerbitan semua akhbar sehingga keadaan negara kembali tenang	1
	F24	Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948	1
	F25	Jabatan Penerangan menapis berita palsu	1
	F26	Menerangkan usaha kerajaan	1
[Mana-mana 8 x 1 m]			[8 m]

Soalan	Perincian	Markah
8(c)	Apakah pengajaran atau iktibar yang berkaitan peristiwa di 8(a).	
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh: - Pentingnya masyarakat berbilang kaum bersatu padu - Hidup dalam keadaan aman dan harmoni - Bersama menjaga kedaulatan negara - Mengelakkan konflik antara kaum - Mengelakkan kempen politik yang melampau - Seperti membangkitkan isu perkauman - Menghormati agama dan budaya masyarakat berbilang kaum - Mengamalkan sikap toleransi antara kaum - Menumpahkan taat setia kepada raja dan negara - Memelihara imej negara	7 - 8

	2	
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik Contoh: - Pentingnya masyarakat berbilang kaum bersatu padu - Hidup dalam keadaan aman dan harmoni - Mengelakkan konflik antara kaum - Mengelakkan kempen politik yang melampau - Seperti membangkitkan isu perkauman - Memelihara imej negara	5 - 6
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas Contoh : - Pentingnya masyarakat berbilang kaum bersatu padu - Hidup dalam keadaan aman dan harmoni - Mengelakkan konflik antara kaum - Mengelakkan kempen politik yang melampau	3 - 4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum Contoh : - Pentingnya masyarakat berbilang kaum bersatu padu - Hidup dalam keadaan aman dan harmoni	1 - 2
	Mak.	[8 m]

- 9 Dasar luar Malaysia memasuki fasa baharu sejak tahun 1970-an. Tempoh masa ini menjadi penting dalam sejarah dasar luar Malaysia kerana merupakan tempoh pengukuhan serta menguji kemampuan Malaysia menghadapi cabaran baharu.

Soalan	Perincian	Marka h
9 (a)	Jelaskan cabaran politik dalam mengukuhkan dasar luar Malaysia.	
	F1 Cabaran politik antarabangsa	1
	F2 Mengamalkan dasar berkecuali dengan negara luar	1
	F3 tanpa mengira ideologi	
	F4 Menjalinkan hubungan dengan negara China	1
	F5 melalui lawatan oleh Tun Abdul Razak Hussein	1
	F6 Cabaran politik serantau	1
	F7 Peluasan komunis di Indochina menyebabkan rantau Asia Tenggara tidak stabil	1
	F8 Berlaku banjir pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara	1
	F9 Malaysia turut terkesan dengan perkembangan tersebut	1
M.s 208-209	[Mana-mana 4 x 1m]	[4 m]

Soalan	Perincian	Markah
9 (b)(i)	Malaysia memberikan perhatian yang serius dalam hubungannya dengan negara serantau. Huraikan peranan Malaysia dalam :	
	(i) Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)	
	F1 Mengisytiharkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali/ ZOPFAN	1
	H1a Menjalinkan hubungan dengan China	1
	H1b Menjadikan ASEAN sebagai platform terpenting untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau/ global	1
	H1c Mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar	1
	C1 Amerika Syarikat/ Rusia/ China	
	F2 Penyelesaian konflik serantau	1
	H2a Malaysia terlibat menyelesaikan konflik politik yang berlaku di Indochina	1
	C2 Ancaman komunis/ pelarian di Vietnam/ Kemboja	1
	H2b Menyeru kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam	1

M.s 210-211	H2c	Menyelesaikan isu di Kemboja melalui pilihan raya pada tahun 1993	1
	H2d	Menghantar pasukan pengaman di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)/ Misi UNTAC	1
	F3	Kerjasama ekonomi	1
	H3a	Memulakan Projek Industri ASEAN (AIP) pada tahun 1978	1
	H3b	Berjaya menghasilkan pengeluaran baja urea di Indonesia (1984)/ Malaysia (1986)	1
	H3c	Mengeluarkan baja fosfat/ kuprum di Filipina	1
	H3d	Menghasilkan serbuk soda di Thailand	1
	H3e	Mempromosikan/ menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN	1
	H3f	Mewujudkan satu pasaran tunggal ASEAN yang bebas	1
	H3g	Penggunaan mata wang ASEAN	1
	H3h	Meningkatkan perdagangan antara negara ASEAN/ Skim Keutamaan Perdagangan (SKP)	1
	H3i	Menawarkan pemetongan cukai ke atas pelbagai jenis produk keluaran negara anggota ASEAN	1
	F4	Kerjasama sosial	1
	H4a	Melalui penubuhan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara / SEAMEO	1
	H4b	Kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan pendidikan/ pertukaran pelajar/ penubuhan pusat serantau pendidikan	1
	C4a	Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik/ RECSAM di Pulau Pinang	1
	H4c	Kerjasama dalam bidang kebudayaan	1
	H4d	Penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN	1
	C4b	Mengadakan festival kebudayaan / kesenian	1
	H4e	Melaksanakan Sukan SEA	1
	H4f	Menjalinkan kerjasama dalam sukan	1
[Mana-mana 4 x 1 m]			[4 m]
9 (b)(ii)	(ii)	Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)	
	F1	Tuan Rumah Sidang Kemuncak dan Pengerusi	1
	H1a	Menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM kali ke-13	1
	H1b	Deklarasi Kuala Lumpur menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin/ serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq	1
	H1c	Dianggap satu pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil	1

M.s 212-213	H1d	Membuktikan kemampuan Malaysia dalam mengendalikan persidangan bertaraf dunia	1
	H1e	Menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003 hingga tahun 2006	1
	H1f	Dilaksanakan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi yang menjadi Perdana Menteri ketika itu	1
	H1g	Menjulung nama Malaysia dalam kalangan negara anggota	1
	H1i	Berusaha meningkatkan tahap kemajuan/pembangunan anggota NAM	1
	H1j	Bekerjasama agar menjadi organisasi yang dihormati	1
	F2	Peranan dalam Politik	1
	H2a	Menyuarakan isu pencerobohan terhadap hak asasi manusia / negara lain	1
	H2b	Menjadikan NAM sebagai platform menyuarakan sikap Malaysia terhadap isu Apartheid	1
	H2c	bersetuju agar tekanan politik/ ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan	1
	H2d	membangkitkan isu Bosnia/Herzegovina	1
	H2e	Sedang ditekan oleh Serbia	1
	H2f	Menggantung keahlian Yugoslavia	1
	H2g	Menerima sejumlah pelarian Bosnia/Herzegovina	1
	F3	Dasar Keamanan dan Berkecuali	1
	H3a	Meminta agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali	1
	H3b	Negara kuasa besar perlu mengaku/tidak campur tangan/ memberikan tekanan	1
	C3	Seperti China/Rusia/Amerika Syarikat	1
	H3c	Menandatangani Perisytiharan Lusaka	1
	H3d	Mendesak pengharaman penggunaan senjata nuklear	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]		[4 m]

Soalan	Perincian	Markah
9 (c)	Pelibatan Malaysia secara aktif dalam pertubuhan serantau telah memberi manfaat kepada negara. Buktikan.	
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh: - Mewujudkan hubungan dagangan - Membolehkan Malaysia mempromosikan produk ke luar negara - Mempercepatkan pertumbuhan /perkembangan ekonomi - Mewujudkan kerjasama untuk meningkatkan tahap pendidikan /kesihatan - Menggalakkan pertukaran teknologi/ perkongsian maklumat - Mengeratkan kerjasama/ hubungan baik dengan negara luar - Melindungi kepentingan rakyat Malaysia semasa berada di negara luar - seperti berlakunya bencana/ wabak Covid-19 - Hubungan dengan negara lain akan menjadi erat - Mengekalkan keamanan negara	7 - 8
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik Contoh: - Mewujudkan hubungan dagangan - Membolehkan Malaysia mempromosikan produk ke luar negara - Mempercepatkan pertumbuhan /perkembangan ekonomi - Mengeratkan kerjasama/ hubungan baik dengan negara luar - Melindungi kepentingan rakyat Malaysia semasa berada di negara luar - seperti berlakunya bencana/ wabak Covid-19 - Hubungan dengan negara lain akan menjadi erat - Mengekalkan keamanan negara	5 - 6

	2	
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas Contoh : - <i>Mewujudkan hubungan dagangan</i> - <i>Membolehkan Malaysia mempromosikan produk ke luar negara</i> - <i>Mempercepatkan pertumbuhan /perkembangan ekonomi</i> - <i>Mengeratkan kerjasama/ hubungan baik dengan negara luar</i>	3 - 4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum Contoh - <i>Mewujudkan hubungan dagangan</i> - <i>Membolehkan Malaysia mempromosikan produk ke luar negara</i>	1 - 2
	Mak.	[8 m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT